

10 MAY 1997

Mahathir-Anwar

ANWAR AKAN MENJALANKAN TUGAS PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menjadi Pemangku Presiden dan menjalankan semua tugas presiden semasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti selama dua bulan mulai 19 Mei.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti di sini bahawa tugas Anwar itu termasuk mempengerusikan mesyuarat MT.

Khamis lepas sekembalinya daripada lawatan rasmi ke tiga negara di Afrika, Perdana Menteri telah menyatakan yang beliau akan bercuti rehat untuk tempoh itu bagi menjalankan kerja peribadi termasuk menulis catatan pengalaman yang dialaminya semasa menjalankan tugas.

Beliau juga telah mengumumkan yang Anwar, Timbalan Perdana Menteri, akan menjadi Pemangku Perdana Menteri untuk tempoh itu, selain Pemangku Menteri Dalam Negeri.

Dr Mahathir hari ini berkata beliau telah memaklumkan pada mesyuarat MT mengenai cutinya itu.

"Saya telah melaporkan kepada MT bahawa saya akan bercuti selama dua bulan dan semasa saya bercuti Anwar akan menjadi Pemangku Presiden dan akan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat MT dan menjalankan tugas-tugas lain yang membabitkan parti," katanya. -- BERNAMA

ZAB NMO